

PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



**Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang**

Dengan Kerjasama



**Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur**

JILID 1



PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR PEKERJAAN DALAM SEKTOR INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DI MALAYSIA

A. KADIR, A. KADARUDDIN, M. J. JAMALUDDIN & R. MUHAMMAD RIZAL
Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Tuntutan menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja khususnya di tempat kerja sudah menjadi satu kemestian kepada majikan seperti yang terkandung dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994. Selain itu, era globalisasi juga menjadi satu penjana kepada kerancakan implementasi pengurusan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan (HSE) di negara ini. Syarikat-syarikat transnasional (TNCs) menitikberatkan implemetasi pengurusan HSE kerana keselamatan pekerja adalah perkara yang paling diutamakan dalam perniagaan mereka. Ini kerana sebarang kemalangan yang berlaku semasa operasi akan mengubah imej syarikat. Masalahnya apakah IKS di Malaysia sudah bersedia bagi menghadapi permintaan industri asing ini yang kebanyakannya memerlukan IKS mempunyai sistem pengurusan HSE yang baik. Kertas ini meninjau situasi keselamatan pekerja dalam kemalangan pekerjaan di Malaysia dan mekanisme pengurusan sedia ada dalam menangani masalah keselamatan pekerja. Sebagai contoh, pada tahun 1994, jumlah kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa adalah sebanyak 0.55 peratus daripada 122,688 kes kemalangan di tempat kerja dan meningkat kepada 19.6 peratus daripada 114,134 kes kemalangan pada tahun berikutnya. Keadaan ini bertambah serius sekiranya kes hilang upaya juga diambil kira. Data untuk kajian ini diperolehi daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab mengurus keselamatan pekerja di Malaysia bagi tempoh 1993 hingga 1998. Sistem dan tempat kerja selamat juga dicadangkan agar dapat memupuk budaya kerja selamat di tempat kerja sekaligus dapat mengatasi masalah ini.

Katakunci: IKS, kemalangan pekerjaan, pengurusan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan

PENGENALAN

Globalisasi tanpa sempadan memberikan kesan kepada semua aspek kehidupan masyarakat. Ianya merupakan intensifikasi hubungan sosial dunia yang luas yang menghubungkan perubahan sesuatu tempat dengan dunia yang lebih global. Dengan kata lain, sesuatu keputusan diperingkat global mencorakkan bentuk pelaksanaan diperingkat tempatan. Dalam aspek peningkatan kesedaran organisasi terhadap elemen pengurusan seperti pengurusan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan, globalisasi memainkan peranan yang amat penting terhadap perubahan polisi sesebuah negara sama ada dari segi aspek polisi dagangan atau alam sekitar yang juga memberi kesan terhadap entiti perniagaan di dalam negara.

Mengutarakan konsep pengurusan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan kepada IKS merupakan satu penambahan beban kepada mereka jika dilihat sepintas lalu. IKS di mana juga lokasinya sedang menghadapi beberapa masalah yang sama misalnya modal pusingan yang rendah, peraturan dan dokumentasi, kurang pekerja mahir, aliran tunai/hutang, persaingan, cukai, sewa premis, pengurusan dalaman, pinjaman kewangan, kadar faedah yang tinggi, inflasi dan kekurangan pembekal (Kadaruddin 2000, Bank of England 2000). Realitinya, semakin kecil perniagaan semakin kurang sumber dan masa yang sama dapat diberikan untuk menangani masalah alam sekitar dan keselamatan pekerja dengan lebih efektif. Semua masalah yang dinyatakan di atas menentukan survival IKS dalam ekonomi.

Bagaimanapun, dalam era globalisasi ini, aspek pengurusan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan dilihat sama penting dengan komunikasi teknologi maklumat (ICT) bagi membolehkan IKS bersaing di peringkat global apatah lagi bila ASEAN Free Trade Agreement (AFTA) mula berkuatkuasa pada tahun 2002. Apabila ini berlaku IKS bukan hanya bersaing sesama mereka di peringkat domestik tetapi juga dengan IKS dari negara-negara ASEAN sebagai pembekal kepada syarikat-syarikat transnasional (TNCs).

Oleh yang demikian, kertas kerja ini cuba ini meninjau situasi keselamatan pekerja dalam IKS di Malaysia dan mekanisme pengurusan sedia ada dalam menangani masalah keselamatan pekerja. Apabila faktor pengurusan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan diambil kira dalam dagangan antarabangsa kini, ini akan berkait langsung dengan IKS yang menjadi pembekal atau vendor kepada TNCs. Jika vendor tempatan ini tidak dapat bergerak mengikut arus kemungkinan besar mereka akan tertinggal atau ditinggalkan oleh TNCs. Kertas ini juga menampilkan beberapa strategi pengurusan yang mampu dilaksanakan diperingkat nasional dan juga diperingkat IKS itu sendiri.

IKS DAN SUMBANGANNYA DI MALAYSIA

Pada umumnya, kepentingan dan peranan industri kecil dan sederhana (IKS) dapat dibincangkan dalam pelbagai aspek. Antaranya termasuklah membuka peluang pekerjaan, memberikan sumbangan dalam usaha meningkatkan jumlah tabungan negara dan menjimatkan tukaran wang asing, mewujudkan agihan pendapatan yang lebih baik kepada penduduk negara, membantu untuk melahirkan dan meningkatkan kemahiran dikalangan tenaga kerja yang terlibat baik diperingkat pekerja mahupun peringkat pengurusan, membantu untuk meningkatkan arus pemindahan teknologi asing dan membantu untuk meningkatkan hubungan jalinan dengan firma besar serta memperkukuhkan struktur asas industri negara.

IKS merupakan sektor paling dinamik di dalam ekonomi negara dan dianggarkan bahawa lebih daripada 50 peratus pengeluaran industri dihasilkan oleh sektor ini dan telah menyumbang kepada lebih satu pertiga eksport untuk sesebuah negara. Di Amerika Syarikat, IKS menyediakan sebanyak 99.7 peratus kepada keperluan majikan dan sebanyak 53 peratus peluang pekerjaan manakala sebanyak 51 peratus peluang pekerjaan dalam sektor pengeluaran. 44.5 peratus daripada perniagaan keseluruhan di Australia di monopoli oleh IKS dengan pekerja kurang daripada 20 orang setiap IKS. Manakala di Kesatuan Eropah sebanyak 85 peratus pekerja berkhidmat dalam sektor IKS dan sementara itu di Finland, 97 peratus IKS dalam negara tersebut menggunakan hampir 50 orang pekerja. Laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pula menyatakan pada tahun 1999, sebanyak 90 peratus kelompok industri yang ada di Malaysia terdiri daripada IKS. Di dalam tempoh tersebut, IKS di Malaysia telah menyumbang sebanyak 18.9 peratus pengeluaran barangan, 20.9 peratus nilai tambahan dan sebanyak 29.7 peratus tenaga kerja dalam sektor ini. Gambaran ini sebenarnya tidak menyeluruh kerana ia tidak meliputi sektor bukan pembuatan tetapi adalah dijangkakan peranan IKS lebih penting sekiranya sektor seperti perkhidmatan, pertanian komersil, perlombongan dan sektor kemudahan asas diambil kira. Kenyataan ini melihatkan bagaimana IKS berperanan dalam membentuk dan menyokong ekonomi negara.

Walaupun peranan IKS dalam pembangunan negara tidak dapat dinafikan, tetapi masalah keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan masih tidak memuaskan. Kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa walaupun menggunakan tenaga kerja kurang daripada 50 orang tetapi kadar kemalangan adalah 30-50 lebih tinggi jika dibandingkan dengan industri besar yang mempunyai 1000 pekerja. Satu tinjauan dalam industri di U.S pada tahun 1994 hingga 1995 menunjukkan bahawa 10 atau lebih pekerja yang berpengalaman mendapati satu pertiga daripada pekerja boleh mengalami kematian walaupun mereka menggunakan 15 orang pekerja sahaja. Kajian yang dijalankan di UK menunjukkan bahawa risiko kecederaan parah atau kematian adalah 50 peratus lebih tinggi di dalam IKS (Johari 2001). Faktor gaji yang rendah, tabiat bekerja yang buruk, kekurangan sumber dan persekitaran kerja yang teruk merupakan faktor utama yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Selain itu tiadanya kesedaran tentang kepentingan aspek keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan di dalam IKS menyebabkan masalah ini bertambah buruk.

SITUASI KEMALANGAN PEKERJAAN DI MALAYSIA

Isu kemalangan di tempat kerja yang melibatkan nyawa dan kecederaan tubuh badan manusia sudah menjadi perhatian semenjak negara belum mencapai kemerdekaan lagi. Pada awalnya, isu ini hanya menjadi fokus dalam sektor perlombongan khususnya dalam industri perlombongan bijih timah dan petroleum (Sha Jaya 1996) yang kemudian beralih kepada sektor pertanian dan hari ini ia semakin menjadi perbincangan dalam sektor pembinaan dan perindustrian (Rozario 1996).

Sektor pembinaan dan perindustrian sebenarnya menjadi penyumbang kepada kegagalan pengurusan keselamatan pekerja di tempat kerja. Antara aspek yang menjadi teras dalam sektor perindustrian dan pembinaan seperti penggunaan mesin, pengangkutan, bahan dan mekanikal, elektrik dan elektrikal serta penyelenggaraannya menjadi penyumbang kepada kemalangan di tempat kerja (Corn 1992). Selain itu,

terdapat dua faktor utama yang menyebabkan kemalangan di tempat kerja iaitu kelakuan atau tindakan pekerja yang tidak selamat dan keadaan persekitaran kerja yang tidak selamat. Antara impak yang selalu wujud akibat kedua-dua faktor tersebut ialah kematian, hilang upaya, kemalangan nyaris, kerugian masa bekerja (LTI), kebakaran serta kerugian harga benda.

Sebenarnya, situasi kemalangan industri di Malaysia secara puratanya telah menurun setiap tahun bagi tempoh 1993-1998. Misalnya bagi tahun 1997, berlaku penurunan sebanyak 3 peratus jika dibandingkan dengan peratus penurunan bagi tahun 1996 sebanyak 1.2 peratus. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh PERKESO bagi tahun 1993 hingga 1998, jumlah kemalangan maut di tempat kerja adalah amat membimbangkan apatah lagi sekiranya dibuat perbandingan terhadap jumlah kemalangan industri bagi jangkamasa tersebut. Bagi tahun 1994, dimana Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan diwartakan, jumlah kematian ialah sebanyak 11 peratus atau 664 menurun sebanyak 1.3 peratus atau 9 kes dari tahun sebelumnya daripada 122,688 kes kemalangan industri. Jumlah ini meningkat kepada 16.3 peratus atau 952 kes kematian pada tahun 1995 daripada 114,114 kes kemalangan industri. Walaupun jumlah kes-kes kemalangan menurun dari jangkamasa 1994-1998, tetapi jumlah kes kemalangan yang membawa maut terus meningkat melebihi 1000 kes iaitu 20.7 peratus (1205) bagi tahun 1996, 22.5 peratus (1307) dan 18 peratus (1046) bagi tahun-tahun 1997 dan 1998.

Senario ini terus membimbangkan sekiranya kemalangan yang menyebabkan hilang upaya kepada pekerja juga diambil kira. Daripada 122,688 kes kemalangan industri bagi tahun 1994, sebanyak 99.4 peratus atau 122,044 pekerja mengalami hilang upaya. Manakala bagi tahun 1995, sebanyak 99 peratus atau 113,182 pekerja mengalami hilang upaya daripada 114,134 kes kemalangan di tempat kerja. Walaupun berlaku penurunan kes kemalangan bagi tiga tahun berikutnya iaitu 1996, 1997 dan 1998 iaitu masing-masing sebanyak 16.5 peratus (107,635) kes, 13.5 peratus (86,289) kes dan 13 peratus (85,338 kes) jumlah pekerja yang mengalami hilang upaya tetap berada pada aras yang membimbangkan iaitu masing-masing sebanyak 99 peratus (106,430) kes, 98 peratus (84,982) kes dan 98.8 peratus (84,292) kes.

Pecahan sektor yang terlibat dalam kes-kes kemalangan maut bagi tahun 1998 sahaja misalnya telah menunjukkan sektor pembuatan mendahului sektor-sektor lain iaitu sebanyak 22 peratus atau 228 kes daripada 1,046 kes kemalangan maut di tempat kerja di seluruh negara. Ia diikuti oleh sektor perdagangan negara iaitu sebanyak 13.2 peratus atau 139 kes kemalangan maut. Penyumbang ketiga terbesar ialah sektor pembinaan dengan jumlah kes kemalangan maut ialah sebanyak 10 peratus atau 104 kes. Walau bagaimanapun sekiranya dibuat perbandingan atas jumlah kes kemalangan mengikut sektor dan jumlah pekerja, sektor pembinaan menjadi penyumbang terbesar kepada kes-kes kemalangan maut di tempat kerja iaitu sebanyak 10 peratus berbanding sektor-sektor lain.

Satu perkara yang menarik dibincangkan di sini ialah untuk melihat senario kemalangan di tempat kerja yang melibatkan anggota tubuh badan pekerja. Kemalangan yang melibatkan anggota tubuh manusia di tempat kerja bagi tahun 1998 di bahagian anggota atas ialah sebanyak 44 peratus menurun sedikit berbanding pada tahun sebelumnya. Manakala kemalangan yang melibatkan anggota bawah badan pada tahun yang sama meningkat menjadi 22.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Bahagian kepala yang lebih terdedah kepada objek yang jatuh dari atas pula meningkat sebanyak 2.3 peratus menjadi 13.1 peratus pada tahun 1998. Bagi jumlah keseluruhan, kemalangan melibatkan anggota badan manusia di negara ini sejak tahun 1994 menurun setiap tahun sehingga tahun 1998 walaupun terdapat peningkatan kematian bagi tempoh tersebut.

Manakala bagi kemalangan maut yang melibatkan jantina, kaum lelaki mendominasi jumlah ini dengan 90.5 peratus atau 947 kes kematian dan sebanyak 9.5 peratus atau 99 kes kematian melibatkan kaum wanita. Ini disebabkan kebanyakan sektor khususnya yang melibatkan tenaga manusia disokong oleh tenaga kaum lelaki. Sebagai contoh, pada tahun 1998, kes kematian atau kemalangan maut yang dialami oleh kaum lelaki dalam sektor pembuatan ialah sebanyak 87.2 peratus atau 199 kes berbanding hanya 12.8 peratus kes melibatkan kaum wanita. Walau bagaimanapun jumlah 12.8 peratus atau 29 kes tersebut merupakan jumlah terbesar yang melibatkan kematian dan punca sektor kaum wanita. Hanya terdapat dua sektor yang boleh dikatakan selamat dan selesa dari segi kehilangan nyawa untu kaum wanita bekerja iaitu sektor institusi kewangan dan insuran serta sektor pembinaan. Ini kerana daripada data yang diperolehi tiada sebarang kes kematian dalam sektor ini walaupun terdapat kes dimana kaum wanita juga terlibat dalam kemalangan dalam sektor ini iaitu sebanyak 2.9 peratus (29) kes kemalangan bagi sektor pembinaan dan 24 peratus atau 165 kes dalam sektor institusi kewangan dan insuran bagi tempoh 1998. Walau bagaimanapun, tidak terdapat data yang menunjukkan bagaimana kemalangan maut boleh terjadi dalam sektor institusi kewangan dan insuran, perkhidmatan masyarakat dan sosial serta perdagangan

Kes-kes kemalangan di tempat kerja di negara ini walaupun boleh dikategorikan kepada dua sebab utama iaitu akibat dari kelalaian pekerja dan pengurusan serta keadaan persekitaran kerja yang tidak selamat, pihak PERKESO telah membahagikan sebab kemalangan kepada sembilan kategori. Bagi tahun 1998, jumlah kemalangan yang disebabkan oleh faktor terpijak di atas, terkena/terhempap oleh benda-benda kecuali benda jatuh menjadi penyumbang terbesar kepada kemalangan di tempat kerja di negara ini iaitu sebanyak 36,371 kes ataupun 41.1 peratus. Ini diikuti oleh faktor terjatuh dari tempat tinggi sebanyak 18,482 kes atau 20.9 peratus. Manakala punca terhempap oleh benda-benda yang jatuh juga menyumbang kepada 13,833 kes ataupun 15.7 peratus dan diikuti oleh punca tersepit di dalam atau di antara benda-benda sebanyak 10,581 kes atau 12 peratus, pergerakan yang berat sebanyak 3,074 atau 3.5 peratus, terdedah atau tersentuh suhu yang panas sebanyak 2,343 kes atau 2.7 peratus, terdedah atau tersentuh bahan-bahan merbahaya sebanyak 1,117 atau 1.3 peratus, terdedah atau tersentuh karan elektrik sebanyak 127 kes atau 0.1 peratus dan lain-lain kemalangan yang tidak dijeniskan sebanyak 2,461 atau 2.8 peratus.

Statistik kemalangan industri di negara ini juga menunjukkan keadaan kritikal tentang pengurusan keselamatan pekerjaan apabila dibandingkan dengan negara-negara maju lainnya apatah lagi Malaysia sedang menuju untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Di negara maju seperti Jepun hanya mencatatkan 5.1 kematian/100,000 pekerja pada tahun 1989, Perancis mencatatkan 7.4 kematian/100,000 pekerja pada tahun 1990 (ILO 1991). Manakala bagi negara Nordic kadar kematian adalah lebih kecil iaitu antara 3-6 kematian/100,000 pekerja (National Board of Labor Protection 1988). USA pula mencatatkan 8 kematian/100,000 pekerja pada tahun 1988 (US Department of Health and Human Services 1989). Sweden dan Jepun pula mengalami penurunan kematian industri sebanyak 71% Finland -62% dan Jerman -65% selama 2 dekad (National Board 1988).

Trend di negara membangun belum menunjukkan sebarang perubahan yang jelas. Negara seperti Brazil, Colombia dan Mexico dimana jumlah penduduk separuh daripada penduduk Amerika Latin mencatatkan antara 14-27 kematian/100,000 pekerja (ILO 1992), Thailand 32.3 kematian/100,000 pekerja (National Institute 1986), Kenya dan Zimbabwe masing-masing mencatatkan 25 dan 27 kematian/100,000 pekerja (Takala 1992) dan Korea mencatatkan 29.6 kematian/100,000 pekerja. Manakala mengikut ILO (1992) Malaysia mencatatkan 29.9 kematian/100,000 pekerja. Satu situasi yang sungguh mendukacitakan. Walau bagaimanapun, jumlah ini menurun sehingga 16.6 kematian/100,000 pekerja pada tahun 1997 tetapi masih berada ditahap kritikal apabila dibuat perbandingan antara jumlah kemalangan dengan jumlah pekerja antara tahun 1993-1998 iaitu sebanyak 16-19 kemalangan/1000 pekerja sedangkan pada masa yang sama di negara-negara Scandinavian hanya mencatatkan 3 kemalangan/1000 pekerja.

PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR PEKERJAAN UNTUK IKS DI MALAYSIA

Berdasarkan situasi kemalangan maut dan hilang upaya yang melibatkan pekerja di Malaysia, keadaan ini sebenarnya berada ditahap serius walaupun terdapat penurunan jumlah kemalangan industri setiap tahun. Ini bermakna terdapat beberapa kelemahan khususnya dalam aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan sama ada dari segi perancangan dan pelaksanaan. Dalam hal ini, terdapat dua aspek pengurusan yang boleh diimplementasikan untuk mengatasi masalah ini iaitu pengurusan kaedah perundangan dan pengurusan bukan perundangan yang boleh digunakan oleh IKS di Malaysia.

Kaedah Perundangan

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 merupakan satu akta yang merangkumi keperluan pekerja dari segi keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja. Terdapat 4 objektif utama dalam akta ini,

- a. Untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja
- b. Untuk melindungi orang-orang di tempat kerja (selian daripada orang-orang yang sedang bekerja) terhadap risiko keselamatan
- c. Menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka
- d. Mengadakan tataamalan industri yang berjalan bergabung dengan akta ini.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (JKKP) bertanggungjawab penuh berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994, Akta Kilang dan Jentera 1967 dan sebahagian daripada Akta

Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1994 sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja dan melindungi orang lain daripada bahaya keselamatan dan kesihatan berpunca daripada aktiviti pekerjaan. JKKP bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan yang antara lain ialah; mengeluarkan kelulusan dan kebenaran, pendaftaran, persijilan, pemeriksaan, tindakan undang-undang, siasatan kemalangan dan aduan.

- **Polisi Bertulis Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Pekerjaan**

IKS juga seharusnya mempunyai polisi bertulis Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Pekerjaan yang tersendiri mengandungi matlamat dan objektif organisasi. Melalui polisi ini, organisasi dapat menentukan halatuju mereka dalam menguruskan keselamatan pekerja. Sekyen 16, OSHA 1994 menjelaskan bahawa mana-mana majikan dan orang yang bekerja sendiri wajib untuk menyediakan dan seberapa kerap yang sesuai mengkaji semula polisi bertulis organisasi masing-masing kecuali organisasi hanya mempunyai pekerja tidak lebih daripada lima orang.

- **Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Seksyen 30, OSHA 1994 juga menghendaki mana-mana organisasi yang mempunyai 40 orang pekerja atau lebih hendaklah menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Seksyen 30 (3) menjelaskan bahawa pihak majikan hendaklah berunding dengan jawatankuasa ini dengan tujuan untuk membuat dan menyenggarakan perkiraan yang akan membolehkan pihaknya dan pihak pekerja bekerjasama dengan berkesan dalam menggalakkan dan membangunkan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan pekerja. IKS di Malaysia juga tertakluk di bawah sekisyen ini kerana kebanyakan IKS mempunyai lebih daripada 40 orang pekerja.

Selain itu terdapat beberapa akta di negara ini yang berkait dengan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan iaitu;

- Akta Kilang dan Jentera 1967
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- Akta Pekerja 1955
- Akta Racun 1952
- Akta Makanan 1983
- Akta Bekalan Elektrik 1990

Kaedah Bukan Perundangan

- ***Work Improvement in Small Enterprise (WISE)***

International Labour Organisation (ILO) sebagai contohnya telah mewujudkan satu program keselamatan untuk IKS yang dikenali sebagai *Work Improvement in Small Enterprise (WISE)*. Ini adalah satu kaedah yang dijalankan untuk industri kecil dimana pendekatan ini memberi penekanan kepada pembaikan kepada tingkahlaku aktiviti pekerja dan pekerjaan. Program ini memberi penekanan khusus kepada industri kecil untuk mengubah strategi, peralatan kerja berkumpulan dan sokongan untuk memberi latihan kepada pelatih (*train the trainer*). Projek ILO/UNDP ini telah dimulakan di beberapa negara seperti di Afrika, India dan Filipina dan didapati telah berjaya. Kemajuan yang diperolehi ialah seperti pengurusan bahan, kawasan kerja, pengawalan bencana, dan kerja-kerja organisasi telah diurus dengan baik untuk meningkatkan pengeluaran. WISE juga telah diperluaskan kepada beberapa negara ASEAN lain seperti Thailand, Vietnam dan Malaysia. Sokongan terhadap peralatan hendaklah diwujudkan, senarai tindakan potensi pembaikan kos serta buku panduan tindakan perlu dikekalkan dan dinilai setiap masa. Berdasarkan kepada pendekatan semualajadi WISE ini, ia telah mewujudkan impak yang positif kepada organisasi yang terlibat. Untuk memenuhi keperluan industri kecil dan sederhana, ia penting untuk menghubungkannya dengan strategi produktiviti dengan aspek keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan.

- **Peranan JKKP, IKKPN dan institusi lain**

Di Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (JKKP) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (IKKPN) bertanggungjawab mengadakan beberapa program khas untuk IKS. Ini termasuklah 'road-show' bergerak seluruh negara dan seminar untuk meningkatkan kesedaran kepada IKS. Ia juga menyediakan program mentor bagi aspek keselamatan dan kesihatan pekerja untuk membantu IKS bertujuan meningkatkan implemmentasi pengurusan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan kepada IKS. SMIDEC juga menyediakan bantuan kewangan untuk cadangan persijilan bagi meningkatkan piawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF). Satu cadangan yang mungkin boleh dilaksanakan pada masa terdekat ini ialah untuk mengurangkan duti import dan pemotongan cukai sekiranya IKS berbelanja untuk peningkatan sistem keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan di organisasi masing-masing.

- **Program Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Pekerjaan**

Selain daripada bantuan daripada agensi-agensi lain, pihak IKS juga seharusnya mengimplementasikan program keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan dalam organisasi masing-masing yang difikirkan sesuai dengan persekitaran kerja. Ini kerana kaedah ini lebih berjaya dari segi implementasinya disebabkan ia lebih dekat dengan pihak pengurusan dan pihak pekerja. Pihak pengurusan lebih tahu apa sebenarnya yang mereka mahukan dalam memberi kesedaran kepada pekerja manakala pihak pekerja pula lebih tahu tentang keperluan pekerjaan mereka. Antara program yang boleh diadaptasikan oleh IKS di Malaysia ialah polisi organisasi, penilaian bahaya, sistem laporan kemalangan/insiden, prosedur bertulis mengenai keselamatan pekerjaan, U-See U-Act, analisis keselamatan pekerjaan, permit untuk bekerja, penyiasatan kemalangan, safety talk, HSE Day dan sebagainya. Dengan adanya program ini ia dapat menggalakkan keterlibatan pekerja dan pihak pengurusan atasan dalam menangani masalah keselamatan pekerja di tempat mereka.

- **Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001)**

Sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OHSAS 18001) merupakan satu sistem pengurusan yang melihat kepada bagaimana peranan organisasi dapat menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja. Sebahagian daripada sistem pengurusan ini memudahkan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan berkaitan dengan urusan organisasi tersebut. Ini termasuklah struktur organisasi, aktiviti perancangan, tanggungjawab, praktis, proses dan sumber untuk pembangunan, implementasi, pencapaian, penilaian dan pengekalan polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OHSAS 18001: 1999).

Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001) telah dibangunkan oleh kumpulan badan persijilan dan pemiawaan dan diterbitkan oleh British Standard Institution (BSI) dan telah dilancarkan pada 15 April 1999. Ia menyediakan keperluan untuk sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk membolehkan *organisasi mengawal risiko keselamatan dan kesihatan pekerja* dan meningkatkan pelaksanaannya. Sistem pengurusan ini berbeza dengan kedua-dua sistem pengurusan organisasi sedia ada iaitu ISO 9001 dan ISO 14000 dari segi skop liputan masing-masing dimana OHSAS 18001 lebih menumpukan kepada pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam operasi sesebuah organisasi.

Di Malaysia, sehingga akhir 2001, terdapat 20 buah syarikat yang telah menerima persijilan OHSAS 18001 yang tertumpu kepada syarikat perkhidmatan, elektrik dan elektronik serta syarikatan saintifik. IKS seharusnya mengambil peluang ini untuk membolehkannya terus bersaing dipasaran tempatan dan global.

- **Program Mentor Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Program ini merupakan program terbaru yang diadakan di Malaysia di mana syarikat multinasional (TNCs) akan bertindak sebagai syarikat induk atau mentor kepada IKS. Melalui program ini syarikat induk akan memberi bimbingan dan latihan berhubung keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada IKS yang bertindak sebagai vendor. IKS mungkin menghadapi masalah meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan kerana kekurangan kewangan, kepakaran dan tenaga manusia. Dengan cara ini syarikat induk akan memberi pendedahan melalui kepakaran yang ada untuk membantu IKS. Di Malaysia syarikat

pertama menjalankan program ini ialah Motorola Malaysia Sdn Bhd yang bertindak sebagai mentor kepada syarikat Digital Release Sdn Bhd. Manakala Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor akan bertindak sebagai pengurus utama yang berperanan memantau perkembangan program ini.

SISTEM DAN TEMPAT KERJA SELAMAT

Peningkatan jumlah kemalangan, jumlah kematian serta penyakit pekerjaan di tempat kerja memerlukan satu usaha pengurusan melalui cara perundangan dan bukan perundangan. Ia sebenarnya berperanan untuk mewujudkan satu bentuk atau keadaan persekitaran yang selamat kepada pekerja untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pekerja.

Berdasarkan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, di mana menerangkan kewajipan am majikan kepada pekerja ialah menyediakan sistem kerja yang selamat dan tempat kerja yang selamat. Apabila kedua-dua elemen ini dapat dicapai adalah tidak mustahil keadaan persekitaran kerja dan pekerja juga dapat diwujudkan. Sistem kerja yang selamat membawa maksud kepada wujudnya sistem yang berperanan untuk mengawal sebarang kemalangan daripada terjadi manakala tempat kerja yang selamat pula bermaksud pihak majikan mampu menyediakan tempat kerja yang tidak terdedah kepada sebarang kemalangan (Wallace 1995).

NIOSH (1997) merangka 5 langkah asas yang diperlukan dalam mewujudkan sistem dan tempat kerja yang selamat.

- Penilaian kerja
- Pengenalpastian bencana dan penilaian risiko serta pengawalan risiko
- Pengenalpastian metodologi keselamatan
- Implementasi sistem
- Permonitoran sistem

Walaupun konsep ini mula ditemui dan digunapakai pada awal tahun 1940 dalam industri peluru berpandu (Roland & Moriarty 1983) tetapi ia masih boleh diaplikasikan pada dekad ini kerana ia mampu memberi kesan yang baik seperti yang ditunjukkan oleh Du Pont Industri, Amerika Syarikat, melalui sistem pengurusan keselamatan, mampu menjayakan kerja selama lebih 10 tahun dengan lebih 1000 pekerja tanpa kemalangan yang mengakibatkan kehilangan masa bekerja (LTI) (Mottel, Long & Morrison 1995) dan juga Bintulu Port, Sarawak yang menjalankan kerja selama 5 tahun dengan lebih 3,000 pekerja tanpa LTI (Berita Harian, 15 Januari, 2001)

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, IKS seharusnya bertindak dengan lebih efisien dalam pengurusan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan agar ia dapat mengatasi masalah keselamatan pekerja. Selain itu, pemantapan dari segi pengurusan ini akan memberi banyak faedah kepada IKS itu sendiri dari segi survival syarikat, keuntungan dan daya saing diperingkat global. Perubahan organisasi diperingkat global dalam menerima suntikan pengurusan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar pekerjaan untuk mencapai matlamat organisasi seharusnya menjadi pendorong utama kepada perubahan IKS di Malaysia dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 1800) disamping program-program keselamatan lain.

RUJUKAN

1. Bank of England. 2000. *Quarterly Report on Small Business Statistic*. Domestic Finance Division. London. January
2. Berita Harian. 15 Januari 2001
3. Corn J. K., 1992. *Response to Occupational Health Hazard, A Historical Perspective*. New York : Van Nostrand Reinhold
4. International Labor Office. 1991 *Year Book of Labor Statistics*. ILO. Geneva.
5. International Labor Office. 1992. Proceeding of the Regional Latin American and Caribbean Workshop of CIS National Centers and Potential Centers, 10-13 July. 1990. Sao Paulo. *ILO PIACT Report/1990/3*.
6. Johari, B. 2001. OSH for SMIs: Current and Emerging Issues. Kertas kerja dipentangkan dlm 4th *National Conference and Exhibition on OSH* di The MINES, Selangor. 7-8 Ogos
7. Kadaruddin, A. 2000. *Environmental Performance in SMEs in the United Kingdom*. Msc EIS, Auditing & EMS. Dissertation. Unpublished. School of Environment Science, University of East Anglia.
8. Korea Industrial Safety Corporation. 1991. *Proceeding of the Technical Seminar, 24th Occupational Safety and Health Convention*. Seoul.
9. Mottel, W.J., Long, J.F. & Morrison D.E. 1995. *Industrial Safety is Good Business, The Du Pont Story*. New York : Van Nostrand Reinhold
10. National Board of Labor Protection. 1988. *Industrial Accidents. Official Statistics in Finland*. Government Printing Centre, Helsinki, Finland.
11. National Institute for the Improvement of Working Conditions and Environment. 1986. *NICE-Project Final Report*, UNDP/ILO Bangkok, ILO Geneva.
12. National Safety Council. 1989. *Accident Facts, 1989*. Chicago.
13. NIOSH. 1997. *Occupational Safety and Health, Module 1 for Safety and Health Officer Course* Januari.
14. PERKESO. 1998. Laporan tahunan 1993-1998. Kuala Lumpur.
15. Roland, H.E. & Moriarty B. 1983. *System Safety and Engineering and Management*. New York: John Willey & Sons.
16. Rozario, M. 1996. Construction site. Dlm Krisna Gopal & Noor Hassim Ismail (pnyt.) *Occupational Safety and Health in Malaysia*. Bangi : Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara.
17. Sha Jaya, M. 1996. The development of occupational health in the oil industry. Dlm Krisna Gopal & Noor Hassim Ismail (pnyt.) *Occupational Safety and Health in Malaysia*. Bangi : Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara
18. Takala, J. 1992. *Safety and Health Information System, Analysis of Local, National and Global Methods*. Geneva : Tampere University of Technology, Tampere and International Occupational Safety and Health Information Center. ILO.
19. US Department of Health and Human Services. 1989. *National Traumatic Occupational Fatalities 1980 – 1985*. NIOSH. Cincinnati.